Cheatography

KONSEP PINJAMAN MENURUT PANDANGAN ISLAM Cheat Sheet

by nabilah azman (Nabilah Azman00) via cheatography.com/123562/cs/23317/

KONSEP PINJAMAN DALAM ISLAM

Pinjaman dibahagikan kepada 2 kategori iaitu *al-'ariyah* dan *al-qard* .

Al-Ariyah hanya melibatkan barangan atau benda yang tidak musnah apabila digunakan yang boleh dikembalikan dalam keadaan asal contohnya kereta .

Sekiranya barang tersebut merupakan barang yang mudah musnah seperti sabun , maka akad pinjaman tersebut tidak sah .

Al-Qard pula ialah pinjaman yang melibatkan pemindahan pemilikan barangan dan diganti mengikut timbangan .

DEFINISI AL-QARD

Al-Qard : **bahasa** bermaksud *al-qat'u* (potong)

Istilah : *al-Qard* merujuk kepada penyerahan sesuatu barang atau harta daripada pemiutang kepada penghutang dengan syarat barang tersebut sama nilai dengan harta yang telah diambil oleh penghutang tanpa sebarang penambahan .

Ia **dilarang** membuat sebarang penambahan kerana ia amat ditegah dalam Islam kerana ia dianggap sebagai *riba'*

LARANGAN RIBA

Larangan *riba* adalah jelas lagi nyata berdasarkan kepada firman Allah S.W.T dalam surah *al-Baqarah* ayat 275 ;

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا ۚ

Maksudnya ; Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan *riba* .

Allah S.W.T juga telah memberi peringatan kepada orang yang beriman agar tidak memakan *riba* sebaliknya mereka diseru supaya bertakwa hanyalah kepada Allah S.W.T .

Selain itu , **dosa orang yang melakukan *riba* juga adalah amat berat di sisi Allah S.W.T .**

PRINSIP AL-QARD AL-HASAN

Prinsip muamalah Islam secara jelas mengharamkan jual beli yang mempunyai unsur *riba* .

al-Qard al-Hasan bermaksud pinjaman yang baik .

Ia merupakan kebaikan seseorang untuk melakukan kebajikan dengan membantu saudaranya yang berada dalam kesempitan khususnya dalam aspek kewangan tanpa dikenakan tambahan .

HUKUM AL-QARD AL-HASAN

Hukum perlaksanaan *qard hasan* adalah **sunat** .

RUKUN AL-QARD

PEMIUTANG (orang yang memberi hutang)

PENGHUTANG \ PEMINJAM (orang yang berhutang)

BARANG YANG DIPINJAM

SIGHAH (*ijab* dan *qabul*)


BANTUAN KEPADA ASNAF AL-GHARIMIN

- **Institusi zakat** : Mewujudkan keseimbangan dalam aspek sosial dan ekonomi .

- Golongan yang berkemampuan untuk mengeluarkan zakat mampu meringankan beban golongan yang kurang berkemampuan dan kurang bernasib baik .

- Dapat memupuk nilai simpati dalam setiap individu .

JENIS ASNAF



KESIMPULAN

PRINSIP UMUM KETIKA BERHUTANG

1. Setiap hutang yang dibuat mestilah ditulis bagi memastikan pihak-pihak yang berkontrak khususnya menyedari komitmen diri untuk membayar kembali hutang .

2. Tidak boleh mengenakan sebarang bayaran tambahan terhadap peminjam yang diberikan atas sebab kelewatan membuat pembayaran balik hutang walaupun telah dipersetujui pada awal kontrak .

OBJEKTIF AL-QARD AL-HASAN

1. Membantu golongan yang memerlukan .

2. Menjadi salah satu jalan dakwah kepada golongan bukan Islam bahawa Islam itu indah kerana tiada kezaliman dilakukan walaupun dalam pinjaman .

3. Mendapat keberkatan dan ganjaran berterusan di dunia dan di akhirat serta disenangi oleh sekalian makhluk .

GEJALA CETI HARAM

Kegiatan ceti haram ialah **bertentangan dengan ajaran Islam** mengandungi unsur riba dengan mengenakan bayaran bunga atau faedah serta tidak memperoleh sebarang manfaat .

Ia juga melibatkan Ah Long yang sentiasa menggunakan keganasan untuk memastikan penghutang membayar dengan kadar yang telah ditetapkan mereka .

Sebagai seorang muslim , kita haruslah menitikberatkan kepentingan agama sepanjang kehidupan seharian serta ditunj-ukkan sifat yang baik agar mendapat ganjaran di akhirat malah mampu menarik perhatian kepada orang bukan Islam . **Islam itu mudah , silap jika ia dimudah-mudahkan serta diambil mudah** . Semoga kita tergolong dalam golongan yang sentiasa beramal soleh serta sentiasa mendapat kebaikan di dunia dan di akhirat , inshaAllah .

By **nabilah azman** (Nabilah Azman00)
cheatography.com/nabilah-azman00/

Published 16th June, 2020.
Last updated 20th June, 2020.

Sponsored by **CrosswordCheats.com**
Learn to solve cryptic crosswords!
http://crosswordcheats.com